



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR

KURSUS	:	ASAS KEUSAHAWANAN
KOD KURSUS	:	MPU 2012
PEPERIKSAAN	:	APRIL 2016
MASA	:	2 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA [3]** bahagian: BAHAGIAN A [20 Markah]
 BAHAGIAN B [40 Markah]
 BAHAGIAN C [20 Markah]
2. Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A, BAHAGIAN B dan BAHAGIAN C**. Anda dikehendaki mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru. Lakarkan gambarajah jika perlu bagi membantu kesemua jawapan anda.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan
 - iii. Kertas Jawapan Objektif

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **9** HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A
[20 Markah]

Bahagian ini mengandungi DUA PULUH (20) soalan.

Jawab **semua** soalan .

1. _____ telah melihat inovasi sebagai teras kepada kegiatan keusahawanan.
 - A. Richard Cantillon
 - B. David McClelland
 - C. Joseph Schumpeter
 - D. Kuratko dan Hodgets

2. Yang manakah antara pernyataan yang berikut adalah **BENAR**?
 - A. Peniaga kecil tidak mempunyai daya usaha.
 - B. Seseorang peniaga semestinya seorang usahawan.
 - C. Peniaga kecil berupaya mengambil risiko yang tinggi.
 - D. Usahawan mempunyai daya usaha pada tahap tinggi.

3. Keputusan untuk mengeluarkan ubat-ubatan herba yang telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia tetapi diketahui akan mempunyai kesan sampingan yang tinggi kepada pengguna jika digunakan dalam jangka masa yang panjang merupakan contoh _____.
 - A. keputusan beretika dan sah
 - B. keputusan beretika dan tidak sah
 - C. keputusan yang tidak beretika dan sah
 - D. keputusan yang tidak beretika dan tidak sah

4. Antara gabungan yang berikut yang manakah tema utama yang menjadi dilema etika bagi usahawan?
 - I. Konflik kepentingan
 - II. Ciri personaliti
 - III. Taggungjawab sosial kepada pemegang saham
 - IV. Tahap keterbukaan
 - A. I, II, III dan IV
 - B. I, II dan IV
 - C. II, III dan IV
 - D. I, III dan IV

5. Perniagaan Starbuck terhasil ekoran daripada _____
- A. keperluan proses.
 - B. perubahan demografi.
 - C. kejadian yang tidak disangka.
 - D. perubahan industri dan pasaran.
6. Sudah lima hari Hamdi menghabiskan masa mencari penyelesaian kepada satu masalah dalam usaha menghasilkan satu produk baru. Akibat kebuntuan ini Hamdi mengambil keputusan membawa keluarganya keluar berkelah di tepi pantai. Di peringkat manakah Hamdi berada dalam Proses Kreatif?
- A. Inkubasi.
 - B. Verifikasi.
 - C. Pengilhaman.
 - D. Latarbelakang pengumpulan maklumat
7. Antara berikut yang manakah **BUKAN** jenis-jenis sumber yang perlu diuruskan oleh usahawan dengan baik?.
- A. Sumber manusia.
 - B. Sumber reputasi.
 - C. Sumber organisasi.
 - D. Sumber bahan mentah.
8. Banyak perkara yang menyumbang kepada jatuh dan banggunya usahawan-usahawan yang ada di Malaysia. Antara yang dinyatakan di bawah, apakah punca utama kepada kegagalan usahawan - usahawan di Malaysia?.
- A. Mengatasi masalah dengan sambil lewa.
 - B. Kurangnya pengalaman dalam perniagaan.
 - C. Kurang motivasi dan keupayaan berdaya saing.
 - D. Malas berusaha dan hanya mengharapkan rezeki terpijak.
9. Yang manakah antara berikut ciri yang paling utama diperlukan oleh usahawan untuk berjaya ?
- A. Menggunakan strategi berpengaruh.
 - B. Mampu menyelesaikan masalah.
 - C. Yakinkan orang lain.
 - D. Inisiatif.

10. Di antara cara untuk membina minda kreatif ialah
- A. melancong.
 - B. banyak membaca.
 - C. menonton wayang
 - D. menghadiri ekspo perdagangan.
11. Yang manakah **TIDAK** benar mengenai persekitaran kreatif?
- A. Tidak takut menerima kesan daripada kesilapan yang dilakukan.
 - B. Pihak pengurusan memberi sepenuh kepercayaan kepada pekerja.
 - C. Takut untuk melakukan perkara yang tidak mengikut norma biasa
 - D. Menggunakan teknik-teknik penjana idea seperti kaedah percambahan fikiran dan sebagainya..
12. Apakah faktor yang menyumbang kepada peluang perniagaan?
- I. Produk atau perkhidmatan yang sedia ada dalam pasaran baru dan pengguna memerlukannya.
 - II. Pengguna mengkehendaki sesuatu produk dan perkhidmatan yang dapat membantu mereka menyelesaikan masalah yang dihadapi.
 - III. Keadaan ekonomi yang stabil dan baik menyumbang kepada perkembangan perniagaan.
 - IV. Pertumbuhan teknologi yang pesat membantu usahawan bersaing dalam merebut peluang perniagaan.
- A. I sahaja
 - B. I dan II sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. kesemua di atas
13. Sebagai seorang usahawan, jumlah modal yang diperlukan untuk mengembangkan perniagaan adalah berdasarkan
- I. saiz perniagaan.
 - II. kelengkapan perniagaan.
 - III. kos sewa.
 - IV. kos barangan.
- A. I dan II
 - B. II dan III

- C. I, II dan III
D. Semua di atas
14. Usahawan di Malaysia boleh mendaftar perniagaan di bawah akta berikut
KECUALI
A. Parlimen.
B. Akta Korporat 1948.
C. Akta Syarikat 1965.
D. Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.
15. _____ ialah satu peluang perniagaan di mana tuan punya, pengeluar atau pengedar sesuatu produk atau perkhidmatan bertanda niaga [trademark] memberikan hak eksklusif kepada individu untuk edaran tempatan bagi produk perkhidmatan tersebut dan akan menerima royalti sebagai balasannya.
A. Perikatan strategik.
B. Perniagaan sendiri
C. Perniagaan Francais.
D. Mengambil alih perniagaan sedia ada.
16. Mereka yang disenaraikan adalah sasaran pembaca rancangan perniagaan
KECUALI
A. Pelabur.
B. Kaunselor.
C. Pembekal.
D. Institusi Kewangan.
17. Berikut merupakan pernyataan yang **TIDAK BENAR** mengenai ringkasan eksekutif
A. Ringkasan eksekutif mestilah pendek, tidak lebih dari dua muka surat.
B. Ringkasan eksekutif hanya ditulis selepas seluruh rancangan perniagaan selesai.
C. Ringkasan eksekutif menyediakan maklumat yang deskriptif dan dapat memupuk minat untuk membaca rancangan perniagaan.
D. Elemen-elemen dalam ringkasan eksekutif termasuklah sejarah perkembangan syarikat dan keunikan produk terkini.

18. Yang manakah menunjukkan pengaruh psikologi pembelian pelanggan yang di kenali sebagai maklumat psikografik.
- A. Pendapatan.
 - B. Umur.
 - C. Keinginan.
 - D. Pekerjaan.
19. _____ memainkan peranan dalam menarik perhatian pelanggan untuk membeli sesuatu barangan dengan memberikan perlindungan daripada kerosakan atau kecacatan.
- A. Pembungkusan
 - B. Jenama
 - C. Pengiklanan
 - D. Jualan peribadi
20. Maklumat di dalam pernyataan misi sesebuah organisasi adalah seperti berikut
- KECUALI**
- A. Alasan perniagaan diwujudkan.
 - B. Produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.
 - C. Klien atau pelanggan perniagaan.
 - D. Latar belakang syarikat.

BAHAGIAN B

[40 markah]

Bahagian ini mengandungi sebelas (11) soalan.

Jawab **semua** soalan

1. Nyatakan **TIGA** [3] definisi usahawan menurut perspektif-perspektif yang anda ketahui atau mana-mana tokoh yang terkenal?
[3 markah]
2. Terangkan mitos usahawan yang mengatakan "*kejahilan adalah kelebihan bagi usahawan*".
[4 markah]
3. Sebagai seorang usahawan yang memiliki perniagaan sendiri, apakah yang patut anda lakukan untuk mengelakkan perbuatan-perbuatan tidak beretika dalam perniagaan?
[3 markah]
4. Apakah **EMPAT** [4] komponen utama di dalam proses kreatif?
[4 markah]
5. Bagaimanakah kreativiti dan inovasi ini berkaitan dengan keusahawanan?
[4 markah]
6. Sebagai seorang usahawan, anda seharusnya bijak dalam mewujudkan persekitaran yang kreatif dikalangan pekerja-pekerja. Berikan beberapa cara dalam mewujudkan situasi tersebut di dalam organisasi ?
[4 markah]
7. Kemahiran mengenalpasti sumber perlu diberikan perhatian semasa memulakan sesuatu perniagaan bagi memastikan perniagaan dapat berjalan dengan lancar dan sistematik. Nyatakan **TIGA** [3] kemahiran mengenalpasti sumber oleh usahawan.
[3 markah]

8. Peranan dan bantuan kerajaan tidak boleh dinafikan dalam membantu usahawan menjalankan aktiviti keusahawanan di Malaysia. Bincangkan jenis bantuan kewangan kerajaan kepada usahawan.
- [4 markah]
9. Rancangan Perniagaan adalah langkah pertama kepada usahawan dalam mengorak langkah untuk memulakan perniagaan. Analisis pembaca Rancangan Perniagaan.
- [4 markah]
10. Promosi merupakan elemen penting yang perlu diberi perhatian oleh seseorang usahawan dalam usahanya memperkenalkan produk atau perkhidmatannya. Analisis **DUA [2]** strategi promosi dalam membantu usahawan.
- [4 Markah]
11. Pada pendapat anda, bagaimanakah faktor teknologi boleh membantu usahawan dalam perniagaannya?
- [3 markah]

BAHAGIAN C

[20 Markah]

Bahagian ini mengandungi DUA [2] SOALAN. Jawab **semua** soalan.

SOALAN 1

Dato' Seri Dr. Hasmiza Othman atau mesra dipanggil Dato' Vida merupakan figura yang semakin mendapat perhatian ramai dalam kalangan rakyat Malaysia. Hal ini demikian kerana figura atau tokoh usahawan ini cukup kreatif dalam mewujudkan fenomena pemasaran produk dan perkhidmatanya melalui media massa dengan berkesan.

- a) Pada pendapat anda, analisis **LIMA [5]** kompetensi atau ciri-ciri usahawan yang berjaya bagi melaksanakan fungsi-fungsi keusahawanan yang berkesan.

[10 markah]

SOALAN 2

Bagi mereka yang sering menggunakan perkhidmatan bas ekspres untuk perjalanan jauh, terdapat masalah dalam membuat tempahan kerana mereka perlu pergi ke kaunter berkenaan dan membuat tempahan. Situasi ini sedikit sebanyak telah menyukarkan pengguna terutama dari segi masa dan jarak perjalanan.

- a) Berdasarkan kepada faktor strategi pemasaran, cadangkan beberapa idea penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh perkhidmatan bas ekspres tersebut bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka seterusnya lebih memudahkan pengguna membeli dan tiket serta menggunakan khidmat mereka.

[6 markah]

- b) Bincangkan **DUA [2]** kepentingan strategi pemasaran samada untuk memulakan perniagaan mahupun untuk meluaskan kekuatan perniagaan anda di pasaran.

[4 markah]

